

Ruang tunggu Puduraya siap sebelum raya

KUALA LUMPUR 13 Julai – Ruang menunggu di Hentian Puduraya di sini yang lebih selesa dan mampu memuatkan lebih 700 orang pada satu-satu masa akan siap sepenuhnya sebelum Aidilfitri ini, kata Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin.

Ruang menunggu itu yang dikenali sebagai “Tingkat Mezzanine” terletak di tingkat dua Hentian Puduraya, kini dalam proses pengu bahsuaian.

Beliau yang diiringi timbalannya, Datuk M. Saravanan dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ahmad Fuad Ismail, menyatakan rasa puas hati terhadap perkembangan projek berkenaan ketika melawat tinja uan ke tapak projek itu.

Ruang menunggu bernawa dingin itu turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan, gerai makanan dan minuman serta kios.

“Apabila tempat menunggu bas ini siap sebelum raya ini, ia dapat mem-

beri keselesaan kepada pengguna sekaligus mengelakkan kesesakan,” katanya kepada pemberita selepas membuat lawatan di Hentian Puduraya hari ini.

Langkah membaik pulih Puduraya merupakan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang melakukan lawatan pada 25 April lepas, yang mahu kesesakan di kawasan terbabit diatasi segera.

Dari lawatan di Hentian Puduraya, Raja Nong Chik kemudian ke Jalan Petaling di sini juga bagi meninjau sendiri tempat tumpuan pelancong yang terkenal itu.

Beliau berkata, bumbung di kawasan Jalan Petaling akan dinaik taraf melibatkan kos penyelenggaraan bernilai RM2 juta.

“Kita akan menaik taraf kawasan perniagaan Petaling Street ini dengan memasang bumbung-bumbung yang baru berwarna hijau bagi menggantikan bumbung lama,” katanya. - BER-

NAMA



RAJA Nong Chik meninjau masalah peniaga di Jalan Petaling, Kuala Lumpur, semalam. Beliau sebelum itu melawat Puduraya bagi memantau kerja-kerja mengubah suai ruang menunggu di Hentian Puduraya. - UTUSAN/MOHD. SAIFUDIN RASHID